

PENGARUH PERSEKITARAN PEMBELAJARAN DALAM MENINGKATKAN PERKEMBANGAN EMOSI KANAK-KANAK TADIKA: SATU KAJIAN KES

The Influence of Learning Environment on Improving the Emotional Development of Preschool Children: A Case Study

Mohamad Albaree Abdul^{1*}, Norhafizi Mohd Arof², Iylia Mohamad³, Fairuz 'Ain Harun⁴,
Nurul Akma Jamil⁵, Nur Ain Farhana Kariuddin⁶, Hazhari Ismail⁷

Jabatan Pendidikan Awal Kanak-Kanak, Fakulti Pembangunan Manusia,
Universiti Pendidikan Sultan Idris¹²³⁴⁵⁶⁷

albaree@fpm.upsi.edu.my^{1*}, norhafizi.arof@fpm.upsi.edu.my², iylia@fpm.upsi.edu.my³,
fairuz_ain@fpm.upsi.edu.my⁴, nurulakma.jamil@fpm.upsi.edu.my⁵,
nurainfarhana@fpm.upsi.edu.my⁶, hazhari@fpm.upsi.edu.my⁷

*Corresponding Author

Received: 18 October 2023; **Accepted:** 30 October 2023; **Published:** 31 October 2023

To cite this article (APA): Abdul, M. A., Mohd Arof, N., Mohamad, I., Harun, F. 'Ain, Jamil, N. A., Kariuddin, N. A. F., & Ismail, H. (2023). Pengaruh persekitaran pembelajaran dalam meningkatkan perkembangan emosi kanak-kanak tadika: Satu kajian kes. *Jurnal Pendidikan Awal Kanak-Kanak Kebangsaan*, 12(2), 45–53. <https://doi.org/10.37134/jpak.vol12.2.5.2023>

To link to this article: <https://doi.org/10.37134/jpak.vol12.2.5.2023>

ABSTRAK

Kajian ini dilaksanakan bertujuan untuk mengenalpasti pengaruh persekitaran pembelajaran dalam meningkatkan perkembangan emosi kanak-kanak. Kajian ini berbentuk kajian kes yang melibatkan seramai empat orang sampel kanak-kanak berusia enam tahun yang terdiri daripada tiga orang kanak-kanak lelaki dan satu orang kanak-kanak perempuan, dan seorang guru tadika yang telah dilaksanakan di sebuah tadika di sekitar Alam Jaya, Selangor. Kaedah kajian yang digunakan adalah kaedah pemerhatian berpandukan instrumen borang senarai semak yang telah diadaptasi dan kaedah temu bual untuk mendapatkan pandangan guru. Hasil dapatan objektif kajian 1 menunjukkan bahawa perkembangan emosi kanak-kanak dilihat menunjukkan perubahan yang sangat ketara iaitu berada pada tahap yang positif selepas melibatkan diri dalam persekitaran pembelajaran. Hal ini menggambarkan bahawa aspek persekitaran pembelajaran memainkan peranan yang sangat penting dalam membentuk perkembangan emosi kanak-kanak. Manakala, hasil dapatan objektif kajian 2 pula menunjukkan bahawa terdapat tiga jenis persekitaran pembelajaran yang sesuai dengan perkembangan emosi kanak-kanak berdasarkan pandangan guru melalui sesi temu bual yang dijalankan iaitu *Quiet Room*, *Play Area* dan *Project Area*. Bagi hasil dapatan objektif kajian 3, dapatan menunjukkan bahawa persekitaran pembelajaran memberi pengaruh yang positif terhadap perkembangan emosi kanak-kanak berdasarkan temubual bersama guru. Justeru itu, para guru perlu dan wajar mewujudkan persekitaran pembelajaran yang kondusif untuk membantu kanak-kanak yang mengalami isu permasalahan di bilik darjah terutama dari aspek perkembangan emosi mereka.

Kata kunci: persekitaran pembelajaran, perkembangan emosi, kanak-kanak

ABSTRACT

This study aims to identify the influence of the learning environment in improving children's emotional development. This study is in the form of a case study involving a total of four six-year-old children, consisting of three boys and one girl, and one kindergarten teacher that has been implemented in a school around Alam Jaya, Selangor. The research method used is the observation method based on the checklist form instrument that has been adapted and the interview method to get the teachers' views. The results of the objective findings of study 1 show that the emotional development of children is seen to show a very significant change which is at a positive level after engaging in the learning environment. This illustrates that aspects of the learning environment play a very important role in shaping children's emotional development. Meanwhile, the objective findings of study 2 show that there are three types of learning environments that are suitable for children's emotional development based on the teacher's view through the interview session conducted, namely Quiet Room, Play Area and Project Area. As for the objective findings of study 3, the findings show that the learning environment has a positive influence on the emotional development of children based on interviews with teachers. Therefore, it is necessary and appropriate for teachers to create a conducive learning environment to help children who experience problems in the classroom, especially from the aspect of their emotional development.

Keywords: *learning environment, emotional development, children*

PENGENALAN

Persekitaran pembelajaran merupakan tempat berlakunya proses pembelajaran. Menurut Ahmad et al (2013), persekitaran pembelajaran merupakan ruang pembelajaran yang mampu meningkatkan kualiti sesebuah pembelajaran. Hal ini kerana, Haliza dan Joy Nesamalar (2009) dalam kajiannya menyatakan bahawa persekitaran pembelajaran yang kondusif dapat meningkatkan tahap tumpuan perhatian yang baik, tahap penglibatan diri, dan tahap perkembangan seseorang pelajar terutama dalam kalangan kanak-kanak semasa proses pembelajaran dilaksanakan.

Persekitaran pembelajaran di Tadika atau program pendidikan awal kanak-kanak merupakan satu elemen yang penting dan perlu diberi perhatian dalam memastikan tahap perkembangan kanak-kanak dicapai secara optimum. Salah satu aspek perkembangan kanak-kanak yang sering dikaitkan dengan persekitaran pembelajaran adalah perkembangan emosi. Menurut Mohamad Albaree et al (2019), perkembangan emosi merupakan salah satu komponen yang wajar dipandang serius kerana ianya memberi pengaruh besar terhadap pelbagai aspek diri seseorang kanak-kanak. Kajian Arba'ie et al (2014); Mohamad Albaree et al (2019) menjelaskan bahawa perkembangan emosi dapat mempengaruhi segala perbuatan, pandangan dan aktiviti kehidupan seharian kanak-kanak termasuklah aspek akademik mereka.

Justeru, kajian ini dijalankan untuk melihat sejauh manakah persekitaran pembelajaran memberi pengaruh besar terhadap perkembangan emosi kanak-kanak.

PERNYATAAN MASALAH

Persekitaran pembelajaran di dalam kelas merupakan aspek yang perlu diambil perhatian yang sewajarnya. Hal ini kerana, persekitaran pembelajaran yang baik dan kondusif mampu menjamin keberkesanan proses pengajaran dan pembelajaran serta mampu membina dan meningkatkan tumpuan murid semasa proses pembelajaran berlangsung. Namun begitu, kajian terdahulu mendapati bahawa masih terdapat persekitaran pembelajaran di dalam kelas yang

kurang selesa dan tidak mencapai standard keperluan murid yang dikhuatiri memberi impak negatif terutama dari aspek masalah disiplin dan tingkah laku dalam kalangan murid di sekolah (Che Ahmad et al., 2016). Menurut Apidah (2023), persekitaran pembelajaran yang baik dan positif mampu mempengaruhi tahap psikologi dan tingkah laku sosial pelajar. Lebih-lebih lagi, murid banyak menghabiskan hampir separuh daripada masa mereka di sekolah. Oleh hal demikian, persekitaran pembelajaran perlu diambil perhatian kerana ianya memberi impak yang cukup besar kepada kualiti pembelajaran seorang murid. Britto et al (2017) dalam kajiannya menyatakan bahawa kualiti sesuatu proses pembelajaran adalah bergantung dengan reka bentuk bilik darjah, kepelbagaian jenis bahan permainan, sudut pembacaan interaktif, dan sokongan instruksional yang disediakan oleh para guru.

Selain itu, persekitaran pembelajaran yang diwujudkan mampu membantu perkembangan kanak-kanak terutama dari aspek emosi yang mampu melancarkan proses pengajaran dan pembelajaran di bilik darjah. Ini kerana perkembangan emosi merupakan salah satu elemen yang perlu dikembangkan dalam kehidupan seharian kanak-kanak (Arba'ie et al., 2014). Menurut Zaharah (2016), sekiranya keperluan kanak-kanak dipenuhi, maka ianya akan memberi pengaruh yang besar terhadap perkembangan emosi mereka. Kajian Hamidah (2013) menyatakan bahawa punca berlakunya masalah tingkah laku negatif dikesan melalui gangguan emosi yang ditonjolkan oleh seseorang individu. Hal ini kerana, faktor berlakunya masalah tingkah laku negatif adalah disebabkan pembentukan emosi negatif yang diperolehi daripada persekitaran pembelajaran yang kurang memberangsangkan (Mohamad Albaree et al., 2019).

OBJEKTIF KAJIAN

Kajian ini dilaksanakan berdasarkan tiga objektif yang ditetapkan:

1. Menenalpasti perkembangan emosi kanak-kanak sebelum dan selepas melibatkan diri dalam persekitaran pembelajaran.
2. Menenalpasti jenis-jenis persekitaran pembelajaran yang sesuai dengan perkembangan emosi kanak-kanak berdasarkan pandangan guru.
3. Menenalpasti pengaruh persekitaran pembelajaran terhadap perkembangan emosi kanak-kanak berdasarkan pandangan guru.

TINJAUAN LITERATUR

Persekitaran pembelajaran merupakan tempat seseorang dapat melibatkan diri, mengambil bahagian dan menumpukan perhatian dalam proses pembelajaran (Haliza & Joy Nesamalar, 2009). Persekitaran pembelajaran berkait rapat dengan perkembangan emosi kanak-kanak. Hal ini demikian kerana, apabila kanak-kanak berada dalam persekitaran pembelajaran yang positif, maka emosi kanak-kanak mudah berkembang dengan baik. Menurut La Paro, Pianta dan Stuhlman (2004) menyatakan bahawa persekitaran pembelajaran meliputi pelbagai aspek sama ada melalui ciri-ciri persekitaran seperti bahan yang digunakan, ruang bermain dan keselamatan yang mampu mewujudkan interaksi kanak-kanak dengan guru. Hal ini demikian kerana, persekitaran pembelajaran yang berkualiti mampu menyumbang perkembangan emosi, sosial dan akademik kanak-kanak (Grinder, 2007).

Persekitaran pembelajaran secara fizikal seringkali dilihat memberi rangsangan terhadap perkembangan kanak-kanak. Sebagaimana tujuan kajian dijalankan bagi melihat rangsangan yang akan diberikan persekitaran pembelajaran terhadap lima emosi kanak-kanak sepertimana yang diutarakan Mayer et. al (2004), iaitu: (i) mengenal emosi sendiri, (ii) mengurus emosi sendiri, (iii) memotivasikan emosi negatif, (iv) mengenali emosi orang lain dan (v) membina hubungan. Susun atur yang terdapat dalam persekitaran pembelajaran dilihat memberi impak terhadap perkembangan dan tumbesaran kanak-kanak. Hal ini demikian kerana, Grinder (2007) menyatakan bahawa persekitaran pembelajaran menjadi sebahagian daripada punca kepada hasil yang positif terhadap kehidupan kanak-kanak. Oleh itu, susun atur persekitaran pembelajaran perlu bersesuaian dengan kategori umur, jantina dan kurikulum yang digunakan bagi memastikan objektif pembelajaran kanak-kanak tercapai di samping menguasai lima emosi yang dinyatakan sebelum ini.

METODOLOGI KAJIAN

Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif berbentuk kajian kes. Pemilihan reka bentuk ini adalah berpandukan kajian Clarke dan Creswell (2015) yang menyatakan pendekatan ini mampu melihat sesuatu isu dari pelbagai sudut yang berbeza. Kajian ini dilaksanakan di sebuah tadika Swasta di sekitar Alam Jaya, Selangor yang melibatkan seramai empat orang sampel kanak-kanak berusia enam tahun yang terdiri daripada tiga orang kanak-kanak lelaki dan satu orang kanak-kanak perempuan. Kaedah persampelan yang digunakan adalah persampelan bertujuan (*purposeful sampling*) berdasarkan gangguan emosi negatif yang selalu dipamerkan oleh kanak-kanak seperti a) mudah marah dan mengamuk, b) selalu bersendirian dan rasa kesunyian, c) takut, malu, dan kurang keyakinan diri, dan d) cemas dan suka menunjukkan rasa kecewa. Selain itu, kajian ini melibatkan seorang guru tadika bagi mengukuhkan dapatan kajian berdasarkan pandangan beliau berpandukan objektif yang telah ditetapkan.

Kajian ini menggunakan kaedah pemerhatian dan kaedah temu bual untuk mengutip data yang diperlukan. Instrumen kajian yang digunakan adalah borang senarai semak yang mengandungi 12 item soalan yang diadaptasi daripada kajian Mohamad Albaree et al (2019) untuk mengenalpasti perkembangan emosi kanak-kanak sebelum dan selepas melibatkan diri dalam persekitaran pembelajaran. Selain itu, beberapa soalan temu bual telah dibangunkan dan melalui proses kesahan pakar bertujuan untuk mencapai sasaran objektif seperti pandangan guru terhadap jenis-jenis persekitaran pembelajaran yang sesuai dengan perkembangan emosi kanak-kanak, serta pandangan guru terhadap pengaruh persekitaran pembelajaran terhadap perkembangan emosi kanak-kanak.

DAPATAN KAJIAN

Dapatan objektif 1 : Perkembangan emosi kanak-kanak sebelum dan selepas melibatkan diri dalam persekitaran pembelajaran.

Dapatan kajian menunjukkan perubahan tahap perkembangan emosi kanak-kanak sebelum dan selepas melibatkan diri dalam tiga jenis persekitaran pembelajaran yang telah diklasifikasikan iaitu *Quiet Room Area*, *Play Area*, dan *Project Area*. Berdasarkan hasil analisis pemerhatian yang dilaksanakan menggunakan borang senarai semak mendapati bahawa, perkembangan emosi kanak-kanak sebelum dan selepas dilihat menunjukkan perubahan yang sangat ketara

iaitu berada pada tahap yang positif selepas melibatkan diri dalam persekitaran pembelajaran. Hal ini menggambarkan bahawa aspek persekitaran pembelajaran memainkan peranan yang sangat penting dalam membentuk perkembangan emosi kanak-kanak.

Berpandukan Jadual 1, item yang dilihat menunjukkan perubahan yang ketara adalah Item 3 iaitu “*Cuba menonjolkan diri untuk menarik perhatian orang yang berada di persekitarannya*”. Dapatan menunjukkan bahawa sebelum kanak-kanak melibatkan diri dalam persekitaran pembelajaran, keempat-empat sampel dilihat tidak suka menonjolkan diri di dalam kelas. Hal ini kerana, keempat-empat sampel dilihat suka bersendirian seperti yang dinyatakan dalam Item 7 dan kerap marah apabila kanak-kanak lain atau guru cuba berinteraksi dengan mereka seperti yang dinyatakan Item 8. Namun begitu, selepas melibatkan diri dalam persekitaran pembelajaran, keempat-empat sampel menunjukkan perubahan yang positif seperti suka menonjolkan diri untuk mendapatkan perhatian orang yang berada di persekitarannya. Kesan daripada itu, keempat-empat sampel tersebut mula menunjukkan reaksi gembira, suka, mesra, rasa teruja dan penuh semangat terhadap aktiviti-aktiviti yang dijalankan oleh guru seperti yang dinyatakan dapatan Item 1, Item 2, Item 3, dan Item 4.

Selain itu, emosi-emosi yang wujud sebelum melibatkan diri dalam persekitaran pembelajaran seperti Item 9 “*Terasa takut, cemas, dan malu dengan orang lain*”, Item 10 “*Sering menunjukkan sikap bosan terhadap sesuatu aktiviti*”, Item 11 “*Selalu rasa kecewa dengan diri sendiri*”, dan Item 12 “*Suka mengasingkan diri*” dapat diatasi oleh kanak-kanak dengan baik seperti yang ditunjukkan dalam dapatan analisis Jadual 1. Hal ini demikian kerana, kanak-kanak mula menunjukkan sikap empati dan simpati terhadap orang lain selepas melibatkan diri dalam persekitaran pembelajaran seperti yang dinyatakan dalam Item 6. Perincian analisis item bagi perkembangan emosi kanak-kanak sebelum dan selepas melibatkan diri dalam persekitaran pembelajaran dapat dirumuskan dalam Jadual 1.

Jadual 1 *Perkembangan emosi kanak-kanak sebelum dan selepas melibatkan diri dalam persekitaran pembelajaran*

No.	Item	Sebelum		Selepas	
		Ya	Tidak	Ya	Tidak
1.	Menunjukkan reaksi gembira terhadap aktiviti yang dijalankan	1	3	4	0
2.	Menunjukkan reaksi suka dan mesra terhadap aktiviti yang dijalankan	2	2	4	0
3.	Cuba menonjolkan diri untuk menarik perhatian orang yang berada di persekitarannya	0	4	4	0
4.	Menunjukkan rasa teruja dengan aktiviti yang dijalankan	1	3	4	0
5.	Menunjukkan sikap yang penuh semangat terhadap aktiviti yang dijalankan	1	3	4	0
6.	Menunjukkan sikap empati dan simpati terhadap orang lain	0	4	4	0
7.	Selalu bersendirian dan rasa kesunyian	4	0	0	4
8.	Cepat marah dan sering mengamuk	4	0	0	4
9.	Terasa takut, cemas, dan malu dengan orang lain	4	0	0	4

10.	Sering menunjukkan sikap bosan terhadap sesuatu aktiviti	3	1	0	4
11.	Selalu rasa kecewa dengan diri sendiri	2	2	0	4
12.	Suka mengasingkan diri	4	0	0	4

Bagi mengukuhkan dapatan kajian ini, temu bual turut dijalankan terhadap seorang guru untuk mengenalpasti jenis-jenis persekitaran pembelajaran yang sesuai dengan perkembangan emosi kanak-kanak dan pengaruh persekitaran pembelajaran terhadap perkembangan emosi kanak-kanak yang akan diuraikan dalam dapatan 2 dan dapatan 3.

Dapatan objektif 2 : Jenis-jenis persekitaran pembelajaran yang sesuai dengan perkembangan emosi kanak-kanak berdasarkan pandangan guru

Hasil dapatan kajian yang diperolehi menunjukkan terdapat beberapa jenis persekitaran pembelajaran yang sesuai dengan perkembangan emosi kanak-kanak berdasarkan pandangan guru melalui sesi temu bual yang dijalankan. Ini berdasarkan perakuan dan pandangan guru;

“...untuk pengetahuan awak, persekitaran pembelajaran yang telah saya hasilkan ini bertujuan untuk membantu kanak-kanak yang mempunyai gangguan emosi negatif. Kita tahukan, emosi kalau tak stabil susah untuk kanak-kanak fokus dalam kelas. Jadi saya createlah persekitaran-persekitaran pembelajaran ini agar sedikit sebanyak membantu kanak-kanak yang ada problem dengan emosi. Ok persekitaran pembelajaran yang pertama ini saya kenali sebagai ruangan Quiet Room. Yang kedua ini adalah ruangan Play Area dan yang ketiga ini adalah ruangan Project Area...(G1, T1, 05/07/2023)”

Selain itu, guru turut menjelaskan kepentingan terhadap tiga jenis persekitaran pembelajaran yang telah dihasilkan berdasarkan kenyataan yang diberikan oleh beliau;

“...Ok, ruangan Quiet Room ini saya buat adalah untuk kanak-kanak meluahkan perasaan mereka. Biasanya kalau mereka terganggu, saya akan terus bawa kesini bagi mereka merasa ketenangan. Penting untuk ruangan ini agar kita dapat build emosi positif dan buang emosi-emosi negatif. Kalau ruangan Play Area pula, saya lebih menekankan kanak-kanak untuk bermain secara bebas bagi release stress mereka. Yala kita tahu, kanak-kanak yang ada gangguan emosi ini jenis cepat stress. So, bila ada ruangan untuk mereka bermain secara bebas tanpa gangguan sedikit sebanyak lah dapat membantu mengurus emosi mereka. Untuk ruangan Project Area pula, saya suka menggalakkan kanak-kanak yang ada gangguan emosi ini untuk membuat beberapa aktiviti projek yang dapat membantu meningkatkan kreativiti mereka di samping mengatasi masalah gangguan emosi negatif mereka. Kadang-kadang aktiviti projek yang saya buat dengan mereka contohnya buat jus tembikai, aktiviti tampal-tampal macam guna plate kertas kita buat haiwan, kadang kita guna kotak telur dan banyak lagilah. Tujuannya kita nak happy kan kanak-kanak ini dalam masa yang sama kita bantu akademik mereka juga...(G1, T2, 05/07/2023)”

Berdasarkan kenyataan yang diberikan oleh guru, pengkaji mendapati bahawa terdapat tiga jenis persekitaran pembelajaran iaitu *Quiet Room Area, Play Area, dan Project Area* yang telah dihasilkan oleh guru mengikut kesesuaian perkembangan emosi kanak-kanak.

Dapatan objektif 3 : Pengaruh persekitaran pembelajaran terhadap perkembangan emosi kanak-kanak berdasarkan pandangan guru.

Dapatan kajian menunjukkan bahawa terdapat pengaruh yang positif bagi persekitaran pembelajaran terhadap perkembangan emosi kanak-kanak berdasarkan kenyataan yang diberikan oleh guru;

“...seperti yang saya katakan tadi, ruangan-ruangan yang telah saya hasilkan banyak membantu sedikit sebanyak perkembangan emosi kanak-kanak yang mempunyai gangguan emosi. Ruangan-ruangan ini memberi pengaruh yang sangat positif untuk kanak-kanak daripada kanak-kanak yang ada problem emosi, bertukar kepada emosi positif. Lagi satu, awak boleh tengok sendirilah yang kanak-kanak happy bila berada di ruangan-ruangan tersebut. Memang saya cadangkanlah, mana-mana guru yang nak atasi gangguan emosi kanak-kanak, mereka perlu buat ruangan-ruangan macam saya buat ini. Lagi better, mereka create ruangan baharu selain daripada ruangan-ruangan inilah. Itu cadangan saya, sebab memang ruangan-ruangan persekitaran pembelajaran seperti ini mampu memberi pengaruh yang positif kepada kanak-kanak...(G1, T3, 05/07/2023)”

Seterusnya, guru menjelaskan bahawa persekitaran pembelajaran yang dihasilkan bukan sahaja memberi pengaruh yang positif, malah membantu membentuk dan meningkatkan perkembangan-perkembangan yang lain seperti yang diutarakan dalam kenyataan beliau;

“...Kalau saya tengoklah kan, ruangan-ruangan persekitaran pembelajaran yang telah saya hasilkan ini bukan sahaja fokuskan kepada perkembangan emosi kanak-kanak, malah perkembangan-perkembangan lain turut dapat dibina seperti perkembangan sosial, perkembangan kognitif, perkembangan bahasa, perkembangan kreativiti dan banyak lagilah. Saya bagi contoh ya macam perkembangan sosial, kanak-kanak dapat berinteraksi dengan baik sama ada dengan saya ataupun rakan-rakan mereka. Kalau sebelum ini, mereka suka bersendirian dan tidak bergaul, sekarang ini mereka dah mula pandai bergaul dan bercakap dengan kanak-kanak lain. Lagi-lagi kalau mereka berada di play area, memang awak akan nampak mereka berinteraksi antara satu sama yang lain. Mungkin lah saya rasa pengaruh ruangan Quiet room tu sangat positif, sebab dalam tu mereka banyak meluahkan perasaan dengan saya. Jadi saya banyakkah build up interaksi mereka...(G1, T4, 05/07/2023)”

Berdasarkan kenyataan yang diberikan oleh guru, jelaslah menunjukkan bahawa persekitaran pembelajaran yang dihasilkan telah memberi pengaruh yang positif bukan sahaja dari aspek perkembangan emosi, malah aspek perkembangan-perkembangan lain turut mendapat impak yang baik dan positif.

PERBINCANGAN DAN KESIMPULAN

Berdasarkan dapatan 1 menunjukkan bahawa perkembangan emosi kanak-kanak dilihat menunjukkan perubahan yang sangat ketara iaitu berada pada tahap yang positif selepas melibatkan diri dalam persekitaran pembelajaran. Hal ini mempamerkan bahawa aspek persekitaran pembelajaran memainkan peranan yang sangat penting dalam membentuk perkembangan emosi kanak-kanak. Menurut Haliza dan Joy Nesamalar (2009), persekitaran pembelajaran mampu meningkatkan tahap tumpuan perhatian yang baik, tahap penglibatan diri, dan tahap perkembangan seseorang pelajar terutama dalam kalangan kanak-kanak semasa

proses pembelajaran dilaksanakan. Hal ini disokong oleh Yee dan Yunus (2021) dalam kajiannya menjelaskan bahawa persekitaran pembelajaran yang berkualiti mampu menyumbang perkembangan emosi, sosial, fizikal dan akademik kanak-kanak.

Bagi dapatan 2 pula, hasil menunjukkan bahawa terdapat tiga jenis persekitaran pembelajaran yang sesuai dengan perkembangan emosi kanak-kanak iaitu *Quiet Room*, *Play Area*, dan *Project Area* yang dilihat mempunyai kepentingan positif terhadap perkembangan emosi kanak-kanak. Kepentingan positif tersebut dapat mengukuhkan lagi dapatan 3 iaitu terdapat pengaruh yang positif bagi persekitaran pembelajaran dalam meningkatkan tahap perkembangan emosi kanak-kanak. Berdasarkan dapatan 2 dan dapatan 3 jelas menunjukkan bahawa emosi kanak-kanak perlu dibentuk pada peringkat awal melalui persekitaran pembelajaran yang sesuai dan kondusif bagi membantu kehidupan kanak-kanak sama ada di Tadika mahupun di rumah. Menurut Mohamad Albaree et al (2019), perkembangan emosi merupakan salah satu komponen yang wajar dipandang serius kerana ianya memberi pengaruh besar terhadap pelbagai aspek diri seseorang kanak-kanak. Hal ini selaras dengan kajian Arba'ie, et al (2014); Mohamad Albaree et al (2019) yang menjelaskan bahawa perkembangan emosi dapat mempengaruhi segala perbuatan, pandangan dan aktiviti kehidupan seharian kanak-kanak termasuklah aspek akademik mereka.

RUJUKAN

- Ahmad, C. N. C., Noh, N. M., Adnan, M., Putih, M., & Ibrahim, M. H. (2013). Pengaruh persekitaran fizikal bilik darjah terhadap tahap keselesaan pengajaran dan pembelajaran. *Jurnal Pendidikan Bitara UPSI*, 6, 0.
- Apidah, A. (2023). Hubungan Persekitaran Pembelajaran dan Pencapaian Akademik Pelajar Tingkatan Enam. *Jurnal Pemikir Pendidikan*, 11(1), 23-35.
- Arba'ie Sujud, Nik Rafidah Nik Muhamad Affendi, Nurul Azimah Abdull Sedik, & Intan Zahariah Gaisun. (2014). Ekspresi emosi melalui bahan bacaan sastera kanak-kanak. *Jurnal Melayu*, 13(1), 72-84.
- Britto, P. R., Lye, S. J., Proulx, K., Yousafzai, A. K., Matthews, S. G., Vaivada, T., ... & Lancet Early Childhood Development Series Steering Committee. (2017). Nurturing care: promoting early childhood development. *The Lancet*, 389(10064), 91-102.
- Che Ahmad, C. N., Shaharim, S. A., & Yahaya, A. (2016). Kesesuaian persekitaran pembelajaran, interaksi guru-pelajar, komitmen belajar dan keselesaan pembelajaran dalam kalangan pelajar biologi. *Jurnal Pendidikan Sains Dan Matematik Malaysia (JPSMM UPSI)*, 6(1), 101-120.
- Clark, I. P., & Creswell, J. W. (2015). *Understanding research*. New Jersey: Pearson Education.
- Grinder, E. (2007). *Review of Early Childhood Classroom Observation Measures*. Harrisburg, PA: PA Department of Education.
- Haliza Hamzah dan Samuel, J.N. (2009). *Siri Pendidikan Guru: Pengurusan Bilik Darjah Dan Tingkah Laku*. Kuala Lumpur: Oxford Fajar Sdn. Bhd.
- Hamidah Sulaiman. (2013). Kecerdasan emosi menurut Al-Quran dan al-sunnah: Aplikasinya dalam membentuk akhlak remaja. *O-JIE: Online Journal of Islamic Education*, 1(2). 51-57.
- La Paro, K. M., Pianta, R. C., & Stuhlman, M. (2004). The classroom assessment scoring system: Findings from the prekindergarten year. *The elementary school journal*, 104(5), 409-426.
- Mayer, J. D., Salovey, P., & Caruso, D. R. (2004). *Emotional Intelligence: Theory, Findings, and Implications*. *Psychology Inquiry*, Vol. 15, No. 3, 197-215.
- Mohamad Albaree, A., Hazhari, I., Iyilia, M., & Zaharah, O. (2019). Perkembangan emosi kanak-kanak menggunakan kaedah pengajaran berasaskan aktiviti muzik. *Jurnal Pendidikan Awal Kanak-Kanak Kebangsaan*, 8, 17-23.
- Yee, W. P., & Yunus, F. (2021). Kesan Persekitaran Fizikal Dan Sosial Kepada Perkembangan Kanak-Kanak Dari Perspektif Neurosains: Kajian Sorotan Sistemik. *Jurnal Dunia Pendidikan*, 3(2), 98-112.

Zaharah Osman. (2016). Perkembangan emosi kanak-kanak menggunakan lagu Didi & Friends. *Jurnal Pendidikan Awal Kanak-kanak Kebangsaan*, 5, 49-60.